

BARANGAN KETIKA DALAM TRANSIT / TRANSIT DALAMAN

Lembaran Pendedahan Produk

Nota Penting

1. Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda bercadang untuk membeli Polisi Insurans Barangan Ketika Dalam Transit / Transit Dalamannya ini. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat am.
2. Anda haruslah yakin bahawa polisi ini akan memenuhi keperluan anda. Anda haruslah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara atau menghubungi syarikat insurans secara langsung untuk maklumat lanjut
3. Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, adalah menjadi kewajipan anda untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu dan relevan mengenainya untuk kami membuat keputusan dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang akan digunakan dan sebarang perkara di mana seseorang yang munasabah dalam keadaan tersebut dijangka untuk mengetahuinya, jika tidak ia boleh mengakibatkan pengelakan kontrak insurans anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak insurans anda

Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga tempoh kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui oleh kami.

Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau mempunyai perubahan.

1. Apakah produk ini?

Polisi ini melindungi kerugian, kemusnahan atau kerosakan pada barangan ketika dalam transit oleh lori, kereta api atau mana-mana pengangkutan darat yang lain atau semasa ditempatkan sementara dalam perjalanan biasa transit dalam had wilayah yang disebabkan oleh bahaya yang dinamakan atau kemalangan.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Terdapat 2 jenis perlindungan yang diberikan di bawah kelas insurans ini:

- a) Klausula Transit Dalamannya (Semua Risiko)
Melindungi terhadap semua risiko kehilangan atau kerosakan pada barangan yang diinsuranskan ketika dalam transit melalui jalan raya / kereta api.
- b) Klausula Transit Dalamannya (Klausula Lori)
Melindungi terhadap kehilangan atau kerosakan pada barang yang diinsuranskan ketika dalam transit melalui jalan raya/kereta api yang disebabkan oleh kebakaran, kilat, kerosakan jambatan, perlanggaran, kenderaan terbabas atau tergelincir. Kerugian akibat kecurian tidak dilindungi.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar bergantung pada jenis barangan, had setiap pengangkutan kekerapan penghantaran, perlindungan yang diperlukan dan keperluan penajajaminan kami.

Dengan pembayaran premium tambahan, polisi boleh dilanjutkan untuk melindungi perkara berikut:-

- a) Rusuhan, Mogok atau kekecohan awam.

4. Berapakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

<u>Apa yang anda perlu bayar sebagai tambahan kepada premium</u>	<u>Jumlah</u>
Cukai Perkhidmatan	8% daripada premium
Duti Setem	RM10.00
<u>Apa yang termasuk dalam premium</u>	<u>Jumlah</u>
Komisen dibayar kepada pengantara insurans (jika ada)	10% daripada premium

Kebolegunaan duti setem dan jumlah cukai perkhidmatan di sini dikenakan, atau mana-mana cukai lain adalah tertakluk kepada undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia.

5. Apakah terma dan syarat utama yang perlu saya tahu?

- **Asas insurans** - Anda boleh memilih untuk menginsuranskan barangan anda berdasarkan asas berikut:
 - a) Polisi Transit Tunggal – meliputi satu transit dari satu tempat ke tempat lain sahaja.
 - b) Polisi Tahunan – melindungi semua transit anda sepanjang tempoh insurans berdasarkan dasar berikut:-
 - i. Asas kenderaan spesifik – Nilai barangan yang diangkut dalam mana-mana satu transit untuk satu kenderaan barangan tertakluk kepada had agregat semasa tempoh polisi. Had akan dikurangkan sekiranya berlaku tuntutan ke atas polisi melainkan terdapat pengembalian semula pada had tersebut.
 - ii. Asas kenderaan yang tidak spesifik – nilai barangan yang diangkut sepanjang tempoh polisi. Premium Sementara berdasarkan anggaran bawaan tahunan dicaj pendahuluan dan tertakluk kepada pelarasan berdasarkan bawaan sebenar yang diisytiharkan pada akhir tempoh polisi.
- **Sumbangan:** Jika pada masa apa-apa kerugian, terdapat sebarang polisi lain yang masih berkuatkuasa yang melindungi barangan yang sama, kita tidak akan bertanggungjawab untuk lebih daripada bahagian berkadar apa-apa jumlah yang perlu dibayar berkenaan dengan kerugian tersebut.
- **Lebihan:** Ini ialah jumlah yang harus anda tanggung sebelum kami menanggung kerugian anda.
- **Bayaran Premium**
 - a) Polisi Transit Tunggal: Tunai Sebelum Perlindungan
 - b) Polisi Tahunan: Tertakluk kepada Waranti Premium - Premium mesti dibayar dan diterima oleh kami dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh permulaan perlindungan, jika tidak perlindungan akan dibatalkan secara automatik dan anda masih akan bertanggungjawab untuk membayar bahagian premium untuk tempoh kami berisiko.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk senarai penuh terma dan syarat di dalam polisi ini.

6. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi:

- kerugian ke atas mana-mana gas cecair atau barangan akibat bocor atau tumpah melainkan berpunca daripada kebakaran, kenderaan itu ditimpa kemalangan atau objek terjatuh pada kenderaan itu
- peperangan dan risiko bersekutu
- kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh cuaca, keadaan atmosfera, haus dan lusuh, binatang perosak, serangga, kelembapan, berkulapuk, berkarat, kecacatan pembungkusan, penggunaan cangkuk atau tali, penangguhan, susut nilai atau kemerosotan, pencemaran, penapaian atau pembakaran spontan atau kerugian turutan dalam apa jua bentuk.
- kecurian sepenuh atau sebahagian (theft or pilferage) oleh mana-mana pekerja orang yang diinsuranskan.
- kerugian atau kerosakan yang disebabkan oleh rampasan, nasionalisasi, penahanan, permintaan barangan atau pemusnahan dengan sengaja oleh pihak berkuasa.
- kehilangan atau kerosakan semasa barangan itu ditempatkan sementara dalam perjalanan transit untuk tujuan penyimpanan, pembuatan, pembungkusan atau pemprosesan.
- sebarang tindakan keganasan.

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk senarai penuh terma dan syarat di dalam polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Untuk polisi tahunan, polisi ini boleh dibatalkan oleh anda pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami. Selepas pembatalan polisi, anda berhak mendapat bayaran balik premium berdasarkan syarat yang ditetapkan dalam polisi.

8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan di dalam butiran perhubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh berhubung dengan Pusat Khidmat Pelanggan atau cawangan kami.

9. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku kerugian?

Anda perlu memastikan:

- a) melaporkan kejadian itu kepada polis dengan segera dan berikan segala bantuan yang wajib untuk penemuan semula barangan dan hukuman terhadap mana-mana orang yang bersalah sekiranya berlaku kecurian.
- b) memaklumkan kami secara bertulis dengan butiran penuh secepat mungkin. Pemberitahuan awal diperlukan untuk mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda.

10. Apakah yang perlu saya lakukan semasa membuat tuntutan?

Anda mesti menyerahkan tuntutan anda dengan semua maklumat dan dokumen sokongan kepada kami dan memberi kerjasama penuh kepada kami atau pelaras/penyiasat yang dilantik oleh kami untuk menilai tuntutan anda.

11. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai insurans ini atau mana-mana jenis produk insurans, sila hubungi kami atau pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.generali.com.my.

Generali Insurance Malaysia Berhad

No Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,

27, Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121

E-mel: customer.service.gi@generali.com.my

www.generali.com.my

Maklumat yang disediakan dalam Lembaran Pendedahan Produk ini adalah ringkasan untuk rujukan yang cepat dan mudah. Terma dan syarat tepat yang terpakai dinyatakan dalam kontrak polisi.

Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang diberikan dalam pendedahan ini adalah sah pada 24 Februari 2025.